



JABATAN PERDANA MENTERI
AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

SIARAN MEDIA

MALAYSIA PACU KEPIMPINAN SERANTAU PENGURUSAN BENCANA MELALUI RESILIENT ASIA 2026

KUALA LUMPUR, 23 April 2026 – Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi hari ini merasmikan Resilient Asia 2026 Ekspo dan Forum di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Bertemakan “Pendayagunaan AI Dalam Memacu Pengurusan Bencana Ke Arah Komuniti Berdaya Tahan”, program ini menghimpunkan pakar antarabangsa, agensi teknikal, agensi tindak balas, peneraju teknologi dan pemain industri dari rantau Asia dalam satu platform strategik yang memfokuskan kepada transformasi pengurusan bencana berasaskan teknologi.

Timbalan Perdana Menteri menekankan bahawa cabaran bencana masa kini yang semakin kompleks, didorong oleh perubahan iklim dan krisis kemanusiaan, menuntut kerjasama rentas sempadan yang lebih kukuh. Menurut beliau tiada negara mampu berdepan risiko ini secara bersendirian tanpa kolaborasi global yang berkesan.

Sebagai penganjuran sulung pada skala antarabangsa, Resilient Asia 2026 memberi tumpuan kepada pemanfaatan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam mempertingkatkan keupayaan ramalan, mempercepat tindak balas kecemasan serta latihan kesiapsiagaan pasukan penyelamat.

Penganjuran ini selari dengan aspirasi Malaysia untuk muncul sebagai hab pengurusan bencana serantau di Asia Tenggara, sejajar dengan Wawasan Komuniti ASEAN 2045, di samping mencerminkan pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* dalam memperkukuh daya tahan negara.

Resilient Asia 2026 mendapat penyertaan lebih 100 pempamer daripada agensi kerajaan dan syarikat tempatan serta antarabangsa seperti China, Jerman, Kanada dan Amerika Syarikat di ruang pameran berkeluasan 4,917 meter persegi.

Penyertaan 25 delegasi luar negara untuk program ini adalah dalam kalangan negara-negara ASEAN, Australia, Korea Selatan, Jepun, Pakistan, Qatar, Rusia, United Kingdom, Switzerland serta wakil kedutaan di Malaysia turut memperkukuh jaringan kerjasama strategik dalam bidang bantuan kemanusiaan, inovasi teknologi dan keupayaan tindak balas bencana, dengan menggunakan teknologi realiti terimbuah berasaskan lokasi (*Location-based Augmented Reality*, LAR) yang dipersembahkan sepanjang Resilient Asia 2026 berlangsung.

Program ini dijangka menarik lebih 10,000 pengunjung sepanjang tiga (3) hari berlangsung bermula 24 hingga 26 April 2026. Pameran dibuka bermula 10.00 pagi sehingga 6.00 petang.

Program ini turut menampilkan sesi forum dan seminar yang menghimpunkan pakar akademik dan profesional sebagai platform perkongsian pengetahuan serta pemindahan teknologi. Forum ini turut memberi ruang kepada pelajar-pelajar sekolah untuk berkongsi pengalaman dan aspirasi mereka mewakili suara generasi muda, sekaligus menjadi agen perubahan ke arah pengurangan risiko bencana di masa hadapan.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku penganjur Resilient Asia 2026 menyasarkan penganjuran ini sebagai pemangkin untuk meletakkan Malaysia sebagai hab rujukan utama pengurusan bencana di rantau ini, di samping memperkukuh sinergi antara kerajaan dan pihak swasta khususnya dalam pembangunan teknologi pengurusan bencana berasaskan kecerdasan buatan.

Program ini dapat menjadi platform kepada peningkatan tahap pengetahuan, dan daya tahan komuniti menghadapi sebarang bencana, sekali gus dapat membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih bersedia siaga.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Abdul Halim bin Hamzah; Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara, Tuan Meor Ismail Meor Akim; dan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil industri.

-TAMAT-

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)
JABATAN PERDANA MENTERI
23 April 2026

